

# Dr. Mahathir tidak pernah sangsi keupayaan doktor pakar tempatan

UM 5 DEC 2002

KUALA LUMPUR 4 Dis. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, beliau tidak pernah berasa sangsi dengan keupayaan doktor dan pakar bedah tempatan menjalankan pembedahan terhadap pesakit.

Menurut Perdana Menteri, orang lain mungkin akan beranggapan demikian tetapi bukan beliau.

Malahan beliau menegaskan Malaysia sebenarnya mempunyai doktor berkelayakan yang jauh lebih baik dari negara lain.

“Orang lain mungkin sangsi tetapi saya tak pernah. Itulah sebabnya saya yakin kepada pakar bedah kita.

“Kita mempunyai pakar bedah berkelayakan seperti orang lain malahan sesetengahnya mungkin lebih baik daripada orang lain,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menziarahi pasangan kembar Siam, Azama dan Azami Kamarulzaman berusia tujuh bulan yang berjaya dipisahkan di Hospital Kuala Lumpur (HKL) di sini, hari ini.

Pasangan kembar itu masih ditempat-

kan di Unit Rawatan Rapi (ICU), Institut Pediatrik sambil ditemani ibu bapa mereka, Kamarulzaman Mat dan Zainab Othman.

Dr. Mahathir diiringi isteri beliau, Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali dan Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng.

Menurut Dr. Mahathir, kejayaan memisahkan kembar tersebut menunjukkan Malaysia tidak ketandusan doktor-doktor pakar yang berkelayakan.

Katanya, keadaan Azami yang masih belum pulih sepenuhnya disebabkan doktor berdepan dengan pembedahan yang begitu rumit.

“Keadaan yang besar tu (Azama) nampak ceria, mata dah celik dan dia tengok ada respons tetapi yang kecil (Azami) nampak lemah sikit.

“Saya percaya dia (Azami) lemah dari awal dan akan ambil masa sikit untuk pulih,” katanya mengulas keadaan pasangan kembar tersebut.

Menurut Dr. Mahathir, Malaysia sebe-

narnya berjaya membuktikan keupayaannya menjalankan pembedahan kembar siam yang sehingga kini melibatkan 17 pembedahan termasuk sembilan di HKL.

Dalam pada itu, Pakar Bedah Pediatrik HKL, Dr. Zakaria Zahari ketika ditemui berkata, Azama dijangka dimasukkan ke wad pesakit biasa petang ini.

Bagaimanapun katanya, Azami yang selamat menjalani satu pembedahan kecil bagi membetulkan ususnya yang tersumbat semalam akan terus dirawat di ICU.

Azama dan Azami berjaya dipisahkan dalam pembedahan yang dimulakan kira-kira pukul 9 pagi Sabtu lalu dan selesai pada 4.30 pagi keesokannya.

Seramai 33 kakitangan HKL, Hospital Pulau Pinang dan Hospital Kuching terlibat dalam pembedahan itu.

Pembedahan lebih 15 jam itu turut mencatatkan sejarah kerana pertama kali menggunakan teknik mencipta hempedu melalui saluran hati terhadap Azama.